

108

Dua badan runding utk selaras pelajaran silat gayung

23 MAY 1978

Oleh SUMADI SARKAWI

RUNDINGAN-RUNDINGAN awal antara Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) dengan Persatuan Silat Kebangsaan (PASAK) untuk menyelaraskan sukatan pelajaran silat anjuran mereka telah dijalankan baru-baru ini.

Usaha tersebut dijalankan bagi menghapuskan beberapa perbezaan kecil yang masih terdapat dalam usaha menyampaikan pelajaran itu kepada penuntut persatuan masing-masing.

Menurut wakil dari kedua buah persatuan itu, walaupun pada dasarnya mereka menggunakan sukatan pelajaran yang sama untuk pelajaran silat tersebut, namun perbezaannya wujud pada jangkamasa - jangkamasa memulakan satu-satu peringkat pelajaran itu.

Panduan

Bagaimanapun, menurut mereka, rundingan tersebut baru merupakan rundingan peringkat awal dan sekurang-kurangnya satu atau dua rundingan lagi diperlukan sebelum mereka mencapai perseutujuan muktamad.

PASAK telahpun tiba diperingkat akhir dalam usaha membukukan sukatan pelajaran mereka untuk diedarkan di sini dan "diharapkan akan menjadi panduan kepada semua mereka yang mempelajari seni silat gayung".

Menurut setiausahaanya, Encik Ariff Zahari, buku ini berjudul Ilmu Seni Silat Gayung dan pada permulaannya akan diterbitkan dalam bahasa Melayu dan akan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeri, selepas itu.

Terjemahan ke dalam bahasa Inggeris ini adalah sebagai salah satu usaha untuk menarik lebih ramai orang bukan Melayu untuk menjadikan seni ini sebagai satu senaman dan sukan.

Mengenai kurangnya bilangan orang-orang bukan Melayu yang mempelajari silat, Encik Ariff menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor

dalam perkara ini.

Salah satu sebab ialah badan-badan ini tidak mengadakan "kempen untuk mencari pelatih," seperti yang dilakukan oleh persatuan - persatuan judo, karate dan sebagainya.

Di samping itu, masalah bahasa pengantar dalam pelajaran ini merupakan salah satu sebab mengapa kurangnya bilangan pelajar bukan Melayu ini.

Satu lagi perkara mengenai tanggapan orang-orang bukan Melayu ini atas upacara - upacara yang dilakukan ketika menjalani latihan silat.

"Ada di antara mereka yang menganggap bahawa adat istiadat hanya untuk orang-orang Melayu dan bukan untuk semua mereka yang belajar silat. Mungkin jika kita dapat menghilangkan tanggapan ini, bilangan mereka yang bukan Melayu boleh bertambah," dia menjelaskan.

S'pura diundang ke peraduan silat 3 negara di Jakarta

✓ 25 MAY 1978

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah diundang untuk menyertai pertandingan seni silat tiga negara yang bakal berlangsung di Jakarta dari 18-22 Jun ini.

Dan menurut setiausaha agungnya, Encik Johari Uriff, Persisi akan menghantar sebuah pasukan untuk kejohanan ini "walaupun butir lanjut mengenai kejohanan ini belum lagi diketahui".

Dia menerangkan lagi bahawa besar kemungkinan pasukan Singapura untuk peraduan itu akan terdiri dari 10 orang peserta dan lima orang pegawai. Besar kemungkinan juga rombongan Singapura itu akan diketuai oleh Encik Sidek Saniff, Anggota Parlimen (Kolam Ayer), yang juga Pemangku Yang Dipertua Persisi.

Indonesia, telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan kejohanan ini dan selain Singapura ia juga telah mengundang Malaysia. Tidak pula diketahui bilangan peserta-peserta dari kedua negara itu.

Pemilihan peserta-peserta silat Singapura akan dibuat berdasarkan kepada kejayaan peserta-peserta dalam kejohanan silat Singapura tahun lalu.

"Semua pemenang dalam Pesta Silat Singapura tahun lalu, akan dipilih untuk mewakili pasukan Singapura dalam kejohanan itu nanti," kata Encik Johari lagi.

Perbincangan

Dia menerangkan bahawa jenis-jenis silat yang akan dipersembahkan oleh Singapura untuk peraduan itu nanti ialah silat gayung, harimau, kuning dan seligi tunggal.

Besar kemungkinan ketika peraduan ini dijalankan, wakil-wakil dari tiga negara ini akan mengadakan perbincangan untuk kemungkinan pembentukan sebuah persatuan silat Asean.

"Kemungkinan rundingan ini adalah besar. Dengan adanya persatuan seperti ini, seni silat ini boleh diharapkan untuk mencapai taraf antarabangsa," dia menjelaskan lagi.

Encik Johari menerangkan lagi bahawa dia telahpun menghantar kawat kepada Indonesia meminta butir-butir lanjut mengenai kejohanan ini serta menambah bahawa rombongan Singapura dijadualkan berlepas ke Indonesia pada 18 Jun depan kerana kejohanan itu bermula pada 19 Jun.